

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

28. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewajibkan Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan sesi *townhall meeting* terbuka kepada pihak awam secara berkala sebagai satu usaha untuk meningkatkan prestasi dan kepekaan mereka dalam menyelesaikan masalah rakyat?

(a) Jika ya, apakah perancangannya?

(b) Jika tidak, mengapa?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Dalam usaha untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meningkatkan prestasi dan kepekaan mereka dalam menyelesaikan masalah rakyat, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mengadakan sesi *townhall meeting* terbuka kepada pihak awam. PBT perlu mendengar suara dan permintaan rakyat terhadap kualiti dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan.

Untuk tujuan ini, segala bentuk aduan dan syor rakyat haruslah dijadikan input oleh PBT untuk merangka dasar dan program. Sesi *townhall meeting* merupakan kaedah terbaik bagi mendapatkan syor dan permintaan rakyat dan boleh dijadikan pendekatan untuk menjalin hubungan dua hala antara PBT dan rakyat.

Sesi *townhall meeting* dengan pihak awam dilaksanakan dengan pendekatan terkini yang diambil dalam bentuk *public engagement* berpandukan kepada kepentingan dan keperluan untuk melaksanakan sesuatu projek. PBT juga mengadakan sesi *townhall meeting* yang disiarkan secara langsung melalui Facebook bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat hadir mengikuti sesi itu atau gagal mengemukakan pendaftaran dalam tempoh ditetapkan.

Sesi *townhall meeting* telah menjadi satu kewajipan kepada kedua-dua PBT sebelum sesuatu perancangan projek atau program berskala besar diadakan. Setakat ini kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP telah melaksanakan beberapa sesi *townhall meeting* masing-masing seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

Bagi menambahbaik usaha ini, Kerajaan Negeri sedang merangka satu dasar yang akan mewajibkan *townhall meeting* kepada kedua-dua PBT supaya hasil daripada *public engagement* tersebut dapat diterjemahkan secara komprehensif dan saksama antara Kerajaan Negeri, PBT dan rakyat.

**LAMPIRAN A****SESI “TOWNHALL MEETING” YANG DILAKSANAKAN OLEH  
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TARIKH/JADUAL KEKERAPAN</b>
1	Projek Naiktaraf Lorong Belakang Lebuh Armenian & Jalan Gereja	30.3.2019
2	Projek PlaceMaking Balik Pulau	22.6.2019
3	Sesi Awam Bersama MPKK Parlimen Tanjung	18.8.2019
4	Projek Naiktaraf Laluan Awam Pasar Chowrasta	10.9.2019
5	Kajian Selidik Outcome Base Budgeting	Julai - Disember 2019
6	Sesi Bantahan Awam Cukai Taksiran	Disember 2019 - Mac 2020
7	Focus Group Discussion bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	14.3.2020

## LAMPIRAN B

### SESI “TOWNHALL MEETING” YANG DILAKSANAKAN OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Bil.	PERKARA	TARIKH/JADUAL KEKERAPAN
1.	Dialog Bajet MBSP bersama semua <i>stakeholders</i> dan komuniti Seberang Perai.	1 kali setahun dan untuk tahun 2019 telah diadakan pada 6 April 2019.
2.	Projek naiktaraf kemudahan awam seperti cadangan menaiktaraf landskap Taman Tunku, Seberang Jaya, rekabentuk landskap yang melibatkan jajaran hijau (Taman Komuniti Bandar Perda – <i>Upcycle Park</i> – Taman Tekoma) dan rekabentuk minecraft bagi cadangan rekabentuk landskap yang melibatkan Taman Tekoma di Bandar Perda, SPT yang menggunakan model GRPB dengan komuniti setempat.	Setiap projek diwajibkan dan pada tahun 2019 sebanyak 13 sesi “townhall meeting” telah diadakan.
3.	Sesi “ <i>Town Hall</i> ” konsultasi bagi pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai tahun 2018 hingga 2022.	Setiap 5 tahun dan ia telah diadakan pada 18 November 2017.
4.	Program <i>Live Streaming</i> Bersama Datuk Bandar MBSP yang telah diadakan secara langsung di Laman Facebook MBSP. Program ini bertujuan untuk menjawab persoalan daripada orang awam mengenai isu-isu berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tindakan yang telah dijalankan oleh MBSP.	Tiga (3) siri telah diadakan pada 21, 23 dan 25 Mac 2020.
5.	Sesi Bantahan Awam Cukai Taksiran	Disember 2019 - Mac 2020